

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 JUNE 2017

## Raja Petra dakwa tindakan terancang Dr. Mahathir

UM-17/6/2017 Pg. 5

**KUALA LUMPUR 16 Jun** - Tindakan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) memfailkan saman sivil berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) didakwa sebagai tindakan terancang bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk mengalihkan perhatian rakyat daripada perbalahan yang berlaku dalam Pakatan Harapan.

Penganalisis politik, Raja Petra Kamarudin mendakwa, saman sivil DoJ itu merupakan cubaan Dr. Mahathir untuk menghidupkan semula isu 1MDB bagi memastikan perkara itu menjadi isu utama yang dimainkan pada pilihan raya umum akan datang.

"Selepas serangan pertama DoJ yang pertama pada Julai tahun lalu gagal menggulingkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Dr. Mahathir meminta beberapa individu termasuk aktivis, Cynthia Gabriel dan pengendali Sarawak Report, Clare Rewcastle Brown untuk mengambil alih serangan seterusnya.

"Cynthia juga adalah orang yang menyerahkan Verified Complaint for Forfeiture kepada Pemandu Peguam AS Daerah Pusat



**Saman sivil DoJ telah dirancang dengan baik dan kumpulan tersebut mengambil masa untuk memastikan mereka tidak lagi tersalah langkah seperti mana yang berlaku pada Julai 2016."**

**RAJA PETRA KAMARUDIN**  
Penganalisis Politik

California, Sandra Brown (untuk tindakan seterusnya)," katanya menerusi portal *Malaysia Today* semalam.

Raja Petra dalam catatan tersebut turut mendakwa Cynthia sebenarnya adalah individu yang dikatakan terlibat mengatur agar George Soros membiayai kempen pilihan raya umum sebuah parti pembangkang pada 1999.

Mengenai Sandra Brown pula, Raja Petra mendakwa, wanita itu



merupakan individu yang sama terlibat dalam operasi untuk menjatuhkan Najib sebelum ini.

"Seminggu yang lalu salinan Verified Complaint for Forfeiture telah diberikan kepada Dr. Mahathir dan Brown.

"Saman sivil DoJ telah dirancang dengan baik dan kumpulan tersebut mengambil masa untuk memastikan mereka tidak lagi tersalah langkah seperti mana yang berlaku pada Julai 2016.

"Kumpulan tersebut perlu ber-

gerak dengan segera pada waktu ini sebelum Presiden AS, Donald Trump membersihkan DoJ," katanya.

Tambah Raja Petra, saman sivil DoJ itu sekadar satu proses kitar semula dan hanya direka dengan niat untuk menjejaskan kerajaan Malaysia.

"Banyak tuduhan yang sangat peribadi dan ia merupakan satu cubaan untuk memancing pengundi semata-mata. Malah pakar undang-undang yang telah meneliti dokumen DoJ mengatakan bahawa saman ini cacat dan tidak benar," katanya.

Raja Petra dalam catatan tersebut juga melihat pengakhiran tindakan sivil kedua oleh DoJ ini tidak akan ke mana-mana, sama seperti tindakan pertama pada Julai tahun lalu yang tidak dipedulikan kebanyakan pengundi di negara ini khususnya orang Melayu.

"Saman sivil DoJ kali ini juga sekadar silap mata untuk mengaburi mata rakyat Malaysia daripada masalah dalaman melibatkan gabungan Pakatan Harapan yang sedang menuju kehancuran," dakwanya.